



## **LEMBAGA GETAH MALAYSIA**

### **KENYATAAN TAWARAN**

Tawaran adalah dipelawa dari syarikat-syarikat tempatan yang **berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** di bawah yang masih dibenarkan membuat tender bagi bekalan berikut:

NO. TAWARAN	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KOD BIDANG	TARIKH / MASA / TEMPAT TAKLIMAT & PENJUALAN DOKUMEN
LGM/T/GT/1/2018	<b>MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJILARI DAN MENTAULIAH SISTEM MESIN RINTANGAN GULING TAYAR (TYRE ROLLING RESISTANCE SYSTEM) DI BAHAGIAN TEKNOLOGI &amp; KEJURUTERAAN (BTK), LEMBAGA GETAH MALAYSIA.</b>	Kod bidang yang Berdaftar dengan Kementerian Kewangan  1. <b>13 01 01</b> ATAU 2. <b>13 01 02</b>	<p>Tarikh Taklimat : <b>16 Januari 2018</b> Masa : 10 pagi Tempat : Makmal Ujian Tayar RRIM, Lot 10C, Jalan Teknologi 3/5,Taman Sains Selangor 1, Seksyen 2, Kota Damansara, 47810, Petaling Jaya, Selangor.</p> <p>Tarikh Jualan : <b>16 Januari (selepas taklimat) - 14 Februari 2018</b> Masa : 8.30 Pagi – 4.30 Petang Tempat : Pejabat Bahagian Teknologi &amp; Kejuruteraan (BTK), Stesen Penyelidikan RRIM Sg. Buloh, Lembaga Getah Malaysia, 47000 Sg. Buloh, Selangor.</p>

**Kehadiran Ke Sesi Taklimat Adalah DIWAJIBKAN**

Hanya penama yang tercatat di dalam sijil-sijil asal MOF, sijil taraf Bumiputra (jika bertaraf Bumiputra) sahaja yang dibenarkan untuk hadir ke sesi taklimat atau lawatan tapak. Syarikat-syarikat tidak boleh mewakilkan kakitangan selain dari penama yang tercatat pada sijil. Syarikat-syarikat diwajibkan membawa bersama sijil pendaftaran MOF, sijil taraf Bumiputra (jika bertaraf Bumiputra) (asal/salinan yang diperakui sah) dan salinan sijil pendaftaran GST (jika berdaftar) semasa taklimat atau lawatan tapak.

Dokumen tender boleh diperolehi pada waktu pejabat mulai tarikh (selepas hadir lawatan tapak). Dokumen tender boleh dibeli dengan harga **RM212.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Dua Belas sahaja termasuk 6% GST)** senaskah yang tidak akan dikembalikan. Pembayaran hendaklah dibuat dalam bentuk (Bank Draf/Wang Pos) atas nama LEMBAGA GETAH MALAYSIA. Wang Tunai/Cek tidak diterima.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Tender dan dimasukkan ke dalam Peti Tender/Sebutharga yang ditetapkan sebelum atau pada 15 Februari 2018, jam 12.00 tengahari.

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA**  
**Unit Pentadbiran, Tingkat 15, Bangunan Getah Asli (Menara)**  
**No. 148 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.**

(Peti No.1 & 2)

Lembaga Getah Malaysia tidak bertanggungjawab di atas kelewatan dokumen tender yang diposkan dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.